

A. SYARAT-SYARAT DAN TERMA

- 1 Pemohon yang ingin memohon diskaun pembayaran tol hanya dibenarkan untuk memohon satu kategori sahaja iaitu kategori Penduduk, Pekerja/ Pelajar atau Syarikat. Permohonan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
 - i) **Kategori Penduduk (permohonan terbuka kepada kategori RFID e-Wallet)**
 - a Warganegara Malaysia;
 - b Berumur 17 tahun dan ke atas;
 - c Kad Pengenalan pemohon beralamat di Pulau Pinang;
 - d Tertakluk kepada satu kenderaan sahaja;
 - e Kenderaan yang didaftarkan adalah atas nama pemilik atau keluarga pemilik*
 - ii) **Kategori Pekerja/ Pelajar (permohonan terbuka kepada kategori RFID e-Wallet)**
 - a Warganegara Malaysia;
 - b Berumur 17 tahun dan ke atas;
 - c Bekerja/ belajar di syarikat/ institusi yang beralamat di Pulau Pinang;
 - d Tertakluk kepada satu kenderaan sahaja;
 - e Kenderaan yang didaftarkan adalah atas nama pemilik atau keluarga pemilik*
 - iii) **Kategori Syarikat (permohonan terbuka kepada kategori Kad PLUSMiles)**
 - a Syarikat hendaklah mengemukakan surat rasmi menggunakan "Letter Head" yang beralamat di Pulau Pinang dan ditandatangani oleh pemilik Syarikat atau individu yang dilantik sahaja
 - b Tertakluk kepada maksima sepuluh kenderaan sahaja bagi setiap permohonan;
 - c Syarikat yang diperakui dan daftar dibawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- *NOTA: keluarga pemilik adalah terdiri daripada Ibubapa atau anak pemilik yang sah sahaja*
- 2 Setiap permohonan adalah tertakluk atas budi bicara PLUS dan PLUS berhak untuk menolak permohonan yang tidak mengikut syarat yang ditetapkan.
- 3 Pemohon yang layak akan mula menikmati kadar tol diskaun setelah mendapat kelulusan dari pihak PLUS dan pengaktifan dari Touch n Go Sdn Bhd.
- 4 Pemohon yang layak **TIDAK BOLEH** menukar dan/atau memindah diskaun kepada pihak lain.
- 5 Pemohon RFID e-Wallet yang layak tidak boleh memohon kad PLUSMiles diskaun 20%.
- 6 Kadar tol diskaun hanya sah laku untuk bayaran di Plaza Tol Jambatan Pulau Pinang sahaja dan untuk tempoh **dua (2) tahun** sahaja dari tarikh pengaktifan diskaun.
- 7 Permohonan untuk penyambungan tempoh diskaun tol hanya boleh dihantar **tiga puluh (30) hari** sebelum tarikh tamat kuatkuasa diskaun. Sebarang penyambungan adalah tertakluk kepada syarat no.2 di atas.
- 8 Program kadar bayaran tol diskaun Jambatan Pulau Pinang adalah tertakluk kepada budi bicara pihak PLUS dan PLUS berhak untuk menamatkan diskaun tol dari semasa ke semasa.
- 9 Bagi kategori RFID e-Wallet, pengaktifan tag pada kadar diskaun tertakluk juga kepada semakan pihak Touch n' Go Sdn Bhd.

B. SENARAI SEMAK DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN

1 Setiap permohonan perlu mengemukakan dokumen berikut mengikut kategori:

i) Kategori Penduduk

- a Salinan kad pengenalan pemohon;
- b Salinan geran kenderaan;
- c Salinan kad pengenalan pemilik kenderaan (jika memohon kategori RFID eWallet dan kenderaan tidak didaftarkan pada akaun pemohon);
- e Surat Kebenaran yang telah lengkap dan salinan sijil perkahwinan atau surat beranak (jika pemilik kenderaan bukan atas nama pemohon);

ii) Kategori Pekerja/ Pelajar

- a Salinan kad pengenalan pemohon;
- b Surat Pengesahan Majikan/ Institusi **satu (1) bulan** terkini (mempunyai talian nombor telefon dan email) dari tarikh permohonan dan surat rasmi yang menggunakan "Letter Head" syarikat;
- c Salinan kad pengenalan pemilik kenderaan (jika RFID kenderaan tidak didaftarkan pada akaun pemohon);
- d Salinan geran kenderaan;
- e Surat Kebenaran yang telah lengkap dan salinan sijil perkahwinan atau surat beranak (jika pemilik kenderaan bukan atas nama pemohon);

iii) Kategori Syarikat

- a Salinan perakuan pendaftaran kenderaan (geran) atas nama syarikat yang memohon dan dikeluarkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia;
- b Salinan pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang terkini

C. SEMAKAN DAN MAKLUM BALAS PERMOHONAN

1 Maklum balas permohonan dari pihak PLUS akan dilakukan melalui e-mel atau SMS mengikut kategori seperti berikut :

- i) Kategori Penduduk - 3 hari bekerja
- ii) Kategori Pekerja/ Pelajar - 7 hari bekerja
- iii) Kategori Syarikat - 7 hari bekerja

2 Walaubagaimanapun, tempoh masa tertakluk kepada proses semasa dan dokumen yang diserahkan oleh pelanggan